

## Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara selamat dikebumi di Bukit Mahkota

**PUTRAJAYA** - Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abd. Rahim Ishak meninggal dunia semalam selepas mengadu sakit ulu hati.

Allahyarham Abd. Rahim, 55, meninggal dunia kira-kira pukul 3 pagi ketika mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Nilai, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, Allahyarham kelihatan sihat semasa Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Ampar Tenang, Dengkil, Selangor kelmarin.

"Saya dimaklumkan sendiri oleh isteri Allahyarham bahawa beliau mengalami sakit ulu hati di ru-



NOH (kanan) menghadiri pengebumian Allahyarham Abd. Rahim di Tanah Perkuburan Seksyen 5, Bukit Mahkota, Bangi semalam. Gambar kecil Allahyarham Abd. Rahim.

mah di Bukit Mahkota sejak pukul 11 malam semalam (kelmarin) sebelum dibawa oleh isteri ke hospital terdekat dan meninggal dunia di sana," katanya dalam satu kenyataan

akhbar di sini.

Beliau turut menuaikan solat jenazah dan menghadiri pengebumian Allahyarham di Tanah Perkuburan Seksyen 5, Bukit Mahkota, Bangi, Selangor.